

# Pengaruh seni bina

la menjadi imej sesuatu tamadun mahupun bangsa

MARO 21/7/12 MS 4.



UNIK...binaan Empire State Building.



LMU seni bina membabitkan gabungan antara seni dan pengetahuan sains.

Peranan sejarah dan tamadun pula mempengaruhi karya atau idea yang dihasilkan setiap arkitek.

Pada awalnya, bidang arkitektur hanya bertujuan untuk pembinaan tempat berteduh dan keselamatan sebelum ia berkembang menjadi satu ikon atau imej kepada sesebuah tamadun mahupun bangsa.

Dikatakan juga peringkat awal sejarah, seni bina tamadun Yunani dan Rom mencatat legenda yang tersendiri.

Malah ia tetap berterusan menjadi tunjang dalam konsep seni bina hingga hari ini.

Konsep seni bina tamadun itu begitu menekankan bentuk tubuh badan manusia sebagai garis panduan, selain reka bentuk seni bina klasikal.

Berbeza dengan tamadun terdahulu seperti Mesopotamia dan Mesir di mana seni bina berkait rapat dengan pembinaan tugu ketuhanan.

suci al-Quran atau kubah yang sinonim dengan Timur Tengah.

Jenis-jenis bangunan, perancangan ruang dan komposisi keindahan reka bentuk yang dibina mengikut tradisi binaan setiap kaum yang berlainan, tetapi bersandarkan ajaran Islam.

Konsep seni bina Islam menolak sebarang perkaitan dengan bentuk makhluk hidup, tetapi pada masa sama menzahirkan seni abstrak melalui bentuk-bentuk atau adunan warna-warna yang unik.

Ciri-ciri utama seni bina Islam adalah penggunaan arca di bahagian bumbung, kubah dan dinding batu yang diukir menggunakan motif bunga, lukisan dan ayat al-Quran selain mozek yang boleh dilihat pada masjid.

Taj Mahal di India, Masjid Agung Samarra di Iraq dan Hagia Sophia di Istanbul antara bangunan yang terus dikagumi hingga kini serta benar-benar menunjukkan ciri-ciri seni bina Islam.


## Seni bina moden

Pada awal abad ke-20, seni bina moden banyak menggunakan elemen besi dan kaca.

Contohnya, bangunan pencakar langit terawal di Amerika Syarikat, Home Insurance Building di Chi-



ANTARA TERAWAL...Home Insurance Building dibina pada 1885.



**SIMBOLIK...**Taj Mahal inspirasikan seni bina Islam yang memukau.

Tamadun berkenaan tidak dapat lari daripada menekankan kekuasaan seseorang raja selain berkait rapat dengan konsep ketuhanan yang dipengaruhi manusia.

Bagaimanapun, tamadun Yunani menekankan aspek-aspek reka bentuk sivil seperti teater dan bangunan pusat pemerintahan. Mereka juga memberi penekanan kepada perhubungan antara manusia dan persekitarannya dan percaya kehidupan manusia penting dalam mencorak alam persekitarannya.

### Seni bina Islam

Seni bina Islam, bukan sekadar menampilkan dekoratif gerbang yang dipenuhi ukiran ayat-ayat

cago yang dibina pada 1885.


Sementara Empire State Building pula yang siap pada 1929.

Reka bentuk bangunan juga bertambah moden walaupun ada bangunan memasukkan elemen seni reka Rom dan Yunani.

Reka bentuk bangunan moden banyak dipengaruhi fungsi bangunan dan menggunakan teknik, serta dinding konkrit pasang siap. Ia lebih menjimatkan masa dan tenaga kerja.

Hari ini, teknologi seni bina moden dan canggih membantu bangunan pencakar langit disiapkan dalam jangka masa yang singkat.

**Note: Gambar dipetik dari Google**



**MASIH ITIH** - Hagia Sophia tonjolkan seni bina Islam